

Nama :

Tarikh :


Kelas : 3

3.1.1 Mengenal Pelbagai Jenis Simpanan dan Pelaburan

Bahagian A

Lengkapkan yang berikut.

(TP 1)



Bahagian B

Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (x) bagi pernyataan yang tidak betul.

(TP 2)

1.	Pengeluaran wang daripada akaun simpanan tetap sebelum tempoh matang boleh menyebabkan kehilangan bayaran faedah.	
2.	Akaun simanan digunakan untuk menyimpan wang dan membuat pembayaran dengan menggunakan cek tetapi tidak mendapat sebarang faedah.	
3.	Pemegang saham merupakan seorang daripada pemilik sesebuah syarikat yang menerbitkan saham tetapi tidak mempunyai hak atas keuntungan syarikat itu.	
4.	Pelabur hartanah meletakkan wang mereka dalam asset seperti tanah dan bangunan dengan harapan untuk memperoleh pulangan yang tinggi.	

Bahagian C

Nyatakan jenis simpanan yang sesuai bagi setiap situasi berikut.

(TP 2)

	Situasi	Jenis simpanan
1.	Encik Roslan menyimpan bonus tahunannya sebanyak RM20 000 di bank selama 2 tahun.	
2.	Encik Lim merupakan seorang usahawan yang sering menggunakan cek dalam urusan perniagaannya.	
3.	Cik Yoges ialah seorang pekerja kilang dan menyimpan gajinya dalam akaun yang mudah diakses pada bila-bila masa.	

Bahagian D

Padankan setiap situasi dengan jenis pelaburan yang betul.

(TP 2)

	Situasi		Jenis Pelaburan
1.	Cik Vivian membeli 3000 unit syer Syarikat Gemilang yang bernilai RM1.50 per unit di Bursa Saham Kuala Lumpur.	•	Hartanah
2.	Encik Bala menggunakan wang persaraannya untuk membeli sebuah rumah teres. Dia bercadang untuk menjual rumah itu pada masa hadapan.	•	Amanah saham
3.	Encik Azrul menerima dividen sebanyak 5% daripada wang pelaburannya bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2019.	•	Saham

TP 1	
TP 2	